

BH ms 8 03/09/2019

Kempen bantu ekonomi Muslim lebih baik

Kangar: Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin, menyifatkan kempen memboikot barangan keluaran bukan Islam di negara ini sebagai bukan seruan yang bijak.

Beliau berkata, walaupun ketara sikap anti-Muslim dalam segelintir masyarakat bukan Islam, terutama ahli politik parti tertentu, bukan semua bersikap sedemikian.

"Ada mereka yang baik hubungan dan penghormatan kepada masyarakat Muslim. Islam tidak mengajarkan kita memusuhi orang

yang tidak memusuhi kita," katanya dalam satu kenyataan di Facebook beliau, semalam.

Media sebelum ini melaporkan segelintir pihak melancarkan kempen memboikot produk keluaran bukan Bumiputera di negara ini.

Mengulas lanjut, Mohd Asri berkata, tambahan pula, produk Muslim sendiri tidak merangkumi seluruh keperluan kehidupan kini.

"Maka, sangat sukar untuk berjaya jika memboikot keseluruhan selagi kita masih ber-

gantungan pada sumber produk bukan Muslim dalam sebahagian keperluan.

"Saya percaya kempen lebih baik ialah kempen membantu ekonomi sesama Muslim. Dalam erti kata lain, kita berusaha pelbagai cara untuk menguatkan ekonomi sesama kita. Ekonomi adalah kuasa penting kekuatan sesebuah masyarakat.

"Golongan anti-Muslim memandang lekeh masyarakat jika ekonomi kita lemah. Maka, kita hendaklah berikhtiar membantu mencapai misi ini, termasuk de-

ngan membeli dan mengutamakan produk Muslim.

"Selain itu, berkongsi kepakaran sesama Muslim dalam bidang ekonomi, tolong berkempen barangan Muslim dan mencari ruang supaya hasil produk serta perniagaan Muslim dapat ditingkatkan," katanya.

Beliau berkata, umat Islam juga antara lain perlu mencari langkah mengatasi kelemahan dalam menguasai rantaian bekalan utama sehingga menyebabkan peniaga Muslim berdepan cabaran.